

DASAR- DASAR JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Cukai Kadaran Bangunan

1. Dasar untuk mengenakan Kadar Taksiran Berlainan :

Membahagikan kawasan kadaran dan mengenakan kadar yang berlainan mengikut kawasan dan kegunaan sebenar pegangan itu atau bahagian pegangan itu. (Sila rujuk [Pelan Kadaran SP1](#)).

Sek. 129 Akta 171

2. Tarikh kuatkuasa kadar taksiran ke atas bangunan baru/ binaan semula/ binaan tambahan/ ubahan / ubahsuai bangunan di mana kadar taksiran telah dinaikkan :

Tarikh kuatkuasa kadar taksiran bangunan ditetapkan pada 1hb. Jan, 1hb. April, 1hb. Julai atau 1hb. Oktober mengikut tarikh penerimaan kes oleh jabatan.

Sek. 144(1)&(6) Akta 171

3. Tarikh kuatkuasa pindaan kadar taksiran atas sebab tukar kegunaan bangunan :

Tarikh kuatkuasa pindaan kadar taksiran atas sebab tukar kegunaan bangunan di mana kadar taksiran telah dikurangkan ialah pada permulaan bulan (1hb.) permohonan rasmi diterima.

Tarikh kuatkuasa pindaan kadar taksiran atas sebab tukar kegunaan bangunan di mana kadar taksiran telah dinaikkan, tarikh kuatkuasa adalah ditetapkan pada 1hb. Jan, 1hb. Apr, 1hb. Julai atau 1hb. Okt mengikut tarikh penerimaan kes oleh jabatan.

Sek. 144(1)&(6) Akta 171

4. Tarikh kuatkuasa hapus kira nilai tahunan untuk bangunan yang telah dirobohkan ialah pada permulaan bulan (1hb.) kes tersebut diterima oleh jabatan.

Sek. 144(1)&(6) Akta 171

Atau

5. Tarikh kuatkuasa yang diluluskan oleh Pengarah Penilaian Dan Pengurusan Harta